

23/11/1999

PM ajak majoriti senyap mengundi (HL)

Ebi Azly Abdullah; Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima kunjungan heberapa pertubuhan untuk menyatakan sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN) hari ini, meminta rakyat keluar, khususnya golongan dianggap majoriti senyap, keluar mengundi beramai-ramai Isnin depan.

Perdana Menteri menyifatkan sokongan padu golongan majoriti senyap itu penting untuk memastikan kemenangan terbesar dalam sejarah BN.

Pagi ini, wakil-wakil daripada Majlis Gurdwara Malaysia, Persatuan Belia Sikh dan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) yang mewakili 350,000 ahli, mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya.

Petang ini, ketika melawat Bilik Gerakan BN Wilayah Persekutuan di Bangsar, beliau dikejutkan dengan sokongan 100 anggota Pemuda Negara, yang mewakili pertubuhan pelajar di beberapa institusi pengajian tinggi. Ini adalah kali pertama kumpulan berkenaan melahirkan sokongan terbuka kepada kepimpinan Dr Mahathir, sekaligus mencerminkan peningkatan populariti BN sebagai parti pemerintah.

Berucap pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, jika sebelum ini golongan majoriti senyap tidak mengundi kerana menganggap BN boleh menang mudah, sokongan padu mereka amat diperlukan kali ini.

Sehubungan itu, beliau meminta semua petugas jentera pilihan raya BN bekerja keras memastikan setiap anggota masyarakat yang menyokong kerajaan, mengundi pada 29 November ini.

"Saya sebut mengenai mereka ini, kerana kali ini kita hendak semua mereka keluar. Kita mahukan kelebihan undi yang besar daripada dulu dan mereka yang tidak aktif ini, perlu keluar mengundi pada 29 November.

"Bagi menentukan golongan majoriti senyap ini keluar mengundi, ia adalah tanggungjawab petugas BN untuk 'mengeluarkan' setiap orang yang menyokong BN supaya membuang undi," katanya.

Selain isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, hadir sama di majlis itu ialah Pengarah Pilihanraya BN, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob; Pengerusi BN Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Suleiman Mohamed dan calon BN Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Jalil.

Dr Mahathir berkata, satu perkara baru berlaku pada kempen pilihan raya kali ini ialah kesanggupan pihak tertentu yang tidak bersifat politikal, untuk memberi sokongan kepada BN.

Beliau memberi contoh Persatuan Orang Sikh Malaysia dan PBTM, yang melahirkan sokongan padu terhadap kerajaan pimpinan BN walaupun sebelum ini berdiam diri.

"Saya ingin menarik perhatian kepada dua kumpulan ini kerana sebelum ini, mereka tidak mengundi kerana berpendapat BN akan tetap menang. Kumpulan ini digelar silent majority... majoriti senyap.

"Kali ini mereka menyatakan pendirian mereka, dan dua kumpulan itu datang ke pejabat saya pagi ini untuk melahirkan sokongan kepada kerajaan BN," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, kerajaan tidak pernah meminta persatuan itu memberi sokongan kepada BN, tetapi pihak terbabit datang secara sukarela untuk menyokong barisan berkenaan.

Beliau meminta komponen BN memberi sokongan penuh untuk memastikan kemenangan calon masing-masing.

"Ini ketara di kawasan ramai orang Melayu yang calonnya dari Umno, yang sudah tentu memerlukan undi orang Cina dan India.

"Bagi calon MCA, Gerakan dan MIC, orang Umno mesti kerah orang Melayu

untuk menyokong calon berkenaan. Kita tolong mereka, mereka akan tolong kita," katanya.

(END)